

Hujan berterusan dijangka melanda 4 negeri di utara, Pantai Timur

Ancaman banjir besar

Oleh SYED MOHD RIDZUWAN SYED ISMAIL

KUALA LUMPUR 6 Dis. - Hujan berterusan yang dijangka melanda empat buah negeri di utara dan Pantai Timur Semenanjung bermula hujung minggu ini berkemungkinan boleh menyebabkan ancaman berlakunya banjir besar.

Jabatan Meteorologi meramalkan Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu akan mengalami hujan dan ribut petir secara berterusan antara tiga hingga empat hari bermula Sabtu ini.

Menurut ramalan itu, Kedah dan Perlis akan dilanda hujan dan ribut petir berterusan selama empat hari manakala Kelantan dan Terengganu pula selama tiga hari berturut-turut.

Walaupun Taufan Durian yang melanda Filipina dan Vietnam tidak akan melalui Malaysia, namun ramalan Jabatan Meteorologi menjangka hujan lebat yang berterusan akan berlaku di negeri-negeri itu.


Taufan itu yang telah mengorbankan lebih 1,000 orang di Filipina dan 66 mangsa di Vietnam, kini turun kepada lekukan tropika dan bergerak ke arah Laut Andaman dekat Thailand dengan kelajuan 20 kilometer sejam (km/j).

"Kedudukan taufan tersebut kini berada kira-kira 350 kilometer (km) dari utara Semenanjung Malaysia berbanding 250 km pada pukul lapan pagi ini.

"Bagaimanapun, angin kencang dengan kelajuan 30 hingga 40 km/j dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian tiga sehingga empat meter masih dijangka berlaku di perairan Kelantan, Perlis, Kedah, Langkawi dan Pulau Pinang," menurut kenyataan Jabatan Meteorologi.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Unit Pemantauan Banjir, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Low Koon Sing berkata, negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu dijangka berhadapan dengan banjir serius sekiranya jumlah hujan melebihi 100 milimeter sehari dan ia berterusan selama beberapa hari.

"Kelantan dan Terengganu mungkin akan menerima kesan yang lebih teruk berbanding Kedah dan Perlis kerana air hujan akan



SEORANG penduduk, Taufek Abdullah mengalihkan atap rumahnya yang merupakan antara 125 rumah yang rosak dipukul ribut di kawasan perumahan Taman Meru, Ipoh, semalam. [Berita di muka 13]

- Gambar MOHD NAJIB MOHD NOR

Ancaman banjir besar

melimpahi Sungai Golok termasuk air yang mengalir dari sempadan Thailand," katanya.

Ita mungkin bertambah buruk kerana kedua-dua negeri itu berada lebih dekat dengan kawasan berlakunya Taufan Durian.

"Sehingga kini kita belum pasti jumlah hujan yang akan diterima dan kesan taufan tersebut kerana semua itu tertakluk kepada jumlah hujan," katanya.

Pada Disember tahun lalu, Perlis dan Kedah telah dilanda banjir luar biasa berpunca daripada hujan lebat berterusan selama tiga hari.

Koon Sing memberitahu, banjir yang melanda Kedah dan Perlis dengan jumlah hujan sebanyak 300 mililiter selama tiga hari itu adalah rekod terburuk dalam tempoh 30 tahun.

"Bagaimanapun, kita berharap keadaan yang diramal itu tidak akan seteruk banjir pada Disember lalu," ujarnya.

Perkembangan

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu maklumat mengenai perkembangan Taufan Durian yang dilaporkan sedang menghala ke Malaysia disebarkan secara meluas kepada penduduk negeri Pantai Timur.

Beliau berkata, sekiranya Jabatan Meteorologi mengesan sesuatu ancaman bahaya akan berlaku ia perlu dimaklumkan segera kepada beliau bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil.

Jabatan Meteorologi semalam turut memberi amaran bahawa beberapa negeri di utara dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dijangka mengalami cuaca buruk dan laut bergelora mulai malam semalam kesan daripada Taufan Durian yang sedang melanda tenggara Vietnam.

Beberapa kawasan akan mengalami hujan lebat dan angin kencang yang berlarutan sehingga Jumaat ini. Perairan Kelantan dan Terengganu dijangka mengalami angin kencang dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (km/j) dan ombak setinggi 4.5 meter.